

25/06/2002

Usahawan disaran rebut peluang niaga di Afrika

USAHAWAN tempatan disaran merebut peluang mengembangkan perniagaan ke Afrika menggunakan kemudahan pengangkutan kapal kontena Delmas Kenya yang melancarkan perkhidmatannya dari Asia ke Afrika melalui Pelabuhan Klang.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata laluan Pelabuhan Klang-Afrika itu membolehkan pedagang, pengilang, pengimport dan pengekspor di negara ini menembusi pasaran Afrika.

Ini kerana laluan Delmas Kenya meliputi destinasi pelabuhan seperti Colombo, Mombasa, Tanga, Dar Es Salaam dan Cochin sebelum kembali ke Pelabuhan Klang.

Selain menawarkan liputan laluan meluas di semua pelabuhan utama Kenya, Tanzania dan Mozambique, Delmas Kenya juga mempunyai perkhidmatan persinggahan di Kepulauan Hindi, Madagascar dan Comoros.

Dr Ling berkata demikian ketika melancarkan perkhidmatan terbaru laluan Pelabuhan Klang-Afrika oleh Delmas Kenya di Dermaga 10, Pelabuhan Utara, semalam.

Turut hadir, Pengarah Serantau Delmas, Stephane Armand.

Dalam pada itu, Dr Ling berkata, Pelabuhan Klang mencatatkan peningkatan 17.2 peratus pengendalian perkhidmatan kontena tahun ini iaitu 3.76 juta unit bersamaam 20 kaki (TEU) tahun ini berbanding 3.2 juta TEU pada tahun 2000.

Beliau berkata, dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, Pelabuhan Klang mengendalikan kira-kira 1.8 juta TEU manakala sepanjang tempoh suku tahun pertama tahun ini, 10 perkhidmatan baru menerusi Pelabuhan Klang diperkenalkan.

Dr Ling berkata, untuk menjadikan pangkalan dagang yang terkemuka, Pelabuhan Klang bukan saja perlu mempunyai kecekapan pengendalian kargo tetapi juga rangkaian laluan yang baik.

"Lebih banyak kapal datang dan singgah di Pelabuhan Klang adalah lebih baik untuk peniaga dan pedagang sekali gus meletakkannya sebagai antara 10 terbaik di dunia," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sedang berunding untuk mengadakan laluan kapal ke Amerika Selatan secepat mungkin selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan kerjasama Selatan-Selatan.

Beliau berkata, sudah tiba masanya diwujudkan laluan dan hubungan dagangan ke negara Selatan selepas tumpuan diberikan kepada Eropah dan Amerika Utara sebelum ini.

(END)